

WARTA KERAJAAN

PUSAT INFORMASI - WARTA KERAJAAN - P.U. (A) 541

AKTA INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA 1996
PERATURAN-PERATURAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(MENJUAL, MELUPUSKAN ATAU MEMBANGUNKAN SEMULA 1997)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 88 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Menjual, Melupuskan atau Membangunkan Semula) 1997.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah mula berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.
2. Suatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi menjual, melupuskan atau membangunkan semula perniagaan suatu institusi pendidikan tinggi swasta berhubungan dengan pendidikan hendaklah dibuat oleh ketua eksekutif kepada Ketua Pendaftar dalam Borang yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.
3. Fee bagi suatu permohonan untuk mendapatkan kelulusan bagi menjual perniagaan suatu institusi pendidikan tinggi swasta berhubungan dengan pendidikan hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.
4. Ketua Pendaftar setelah menerima keputusan Menteri hendaklah memberitahu pemohon mengenai:
 - a. kelulusan permohonan itu dengan syarat-syarat jika ada; atau
 - b. penolakan permohonan itu.